



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
(JBPM)**



KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang masih sah pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan bagi menyertai tender berikut :-

BIL.	NO. TENDER/ TAJUK TENDER	KOD BIDANG	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TAKLIMAT TENDER	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TUTUP TAWARAN
1.	JBPM(T6/2020) Kontrak Penyelenggaraan Berkala Bagi Sepuluh (10) Buah Kenderaan Khas High Performance Pump Module (HPPM) Milik Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun	110302 dan 220105	Tempat: Dewan Sutera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tarikh: 8 Julai 2020 (Rabu) Masa: 10.00 pagi	Tempat: Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tarikh Tutup: 29 Julai 2020 (Rabu) Masa: 12.00 tengah hari

2. **Sesi taklimat** bagi tender diatas adalah **DIWAJIBKAN**. Mana-mana syarikat yang tidak menyertai taklimat tersebut **TIDAK AKAN DIBENARKAN** untuk menyertai tender berkenaan. Hanya **seorang penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan sahaja boleh menghadiri sesi taklimat tender**. **Surat perwakilan kuasa kepada wakil adalah tidak diterima**. Petender perlu mengemukakan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan sewaktu sesi pendaftaran. **Satu petender HANYA DIBENARKAN mewakili SATU(1) SYARIKAT SAHAJA**. Pematuhan kepada SOP PKPP (Penjarakan Sosial, Pelitup Muka).
3. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **9 Julai 2020 (Khamis)** di Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Petender yang berminat perlu membawa bersama salinan sijil Kementerian Kewangan (MoF) berkaitan Kod Bidang yang dinyatakan.
4. Harga senaskah Dokumen Tender adalah sebanyak **RM 50.00** secara bayaran **Tunai** atau dalam **bentuk Kiriman Wang/Bank Deraf** yang dibuat atas nama **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
5. **Tawaran Kewangan** dan **Tawaran Teknikal** yang lengkap serta dokumen sokongan yang lain hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berasingan yang berlakri bagi **Tawaran Teknikal** dan **Tawaran Kewangan** serta dicatatkan **Nombor Cadangan Pembekal (B206***)** dan **Nombor Tender JBPM(T6/2020)** pada penjurus atas sebelah kiri kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat yang **berlakri** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya**. **Tarikh tutup serahan adalah seperti jadual diatas**
6. JBPM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan tawaran tender yang dikemukakan melalui pos. JBPM juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender. Tawaran tender yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.

6. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web <http://www.bomba.gov.my>, <http://www.kpkt.gov.my> dan <http://myprocurement.treasury.gov.my>

**KETUA PENGARAH,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.**
